



SUPIAN AHMAD | BERITA HARIAN

Amaludin (kiri) dan Wong melancarkan produk terbaru KFC, Cheezy Chickaroni di Petaling Jaya, semalam.

Katanya, keuntungan sebulan cukai juga meningkat 2.1 peratus kepada RM40.9 juta berlipada tempoh sama tahun sebelumnya.

Beliau bagaimanapun berkata, adalah sukar untuk mengunjurkan jualan tahun ini memandangkan sentimen pengguna dalam suku pertama agak lemah.

“Sentimen pengguna semakin baik dalam suku kedua didorong usaha kerajaan merangsang perbelanjaan pengguna dan langkah liberalisasi bagi menarik pelabur asing,” katanya.

Mengenai rancangan KFCH untuk membuka 40 restoran baru tahun ini, beliau berkata, 15 daripadanya sudah sedia untuk beroperasi manakala enam lagi masih menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa.

Katanya, langkah sesetengah pasar raya besar yang memperlahankan rancangan pengembangan mereka kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu mendorong KFCH mengalih tumpuan lokasinya di bandar kecil khususnya di pantai timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

## CIMB-Principal tingkat saiz 2 dana Islam

**C**IMB-Principal Asset Management Bhd meningkatkan saiz dua dana Islamnya, iaitu CIMB Islamic DALI Equity Growth Fund yang kini berjumlah 1.8 bilion unit dan CIMB Islamic Money Market Fund kini sebanyak 337.5 juta unit.

Syarikat pengurusan dana CIMB Group itu dalam kenyataannya berkata, saiz kedua-dua dana itu sebelum ini adalah 1.2 bilion unit dan 225 juta unit.

“Peningkatan ini tepat pada masanya kerana dana berkenaan mampu memenuhi keperluan berbeza pelabur dalam keadaan pasaran sekarang,” kata Ketua Pegawai Eksekutifnya J Campbell Tupling.

Beliau berkata, sesetengah pelabur berminat melabur di tengah-tengah penilaian menarik sekarang dengan peluang untuk mengembangkan lagi pelaburan, manakala yang lain membuat strategi semula untuk kembali secara aktif dalam pasaran.